

Prasarana Malaysia Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan Laluan Ampang, Laluan Kelana Jaya, Laluan KL Monorail, Laluan Shah Alam dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, serta Bus Rapid Transit ("BRT") Laluan Sunway dan juga pengendali perkhidmatan Mass Rapid Transit ("MRT") Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya.

TENDER TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

TAJUK TENDER DAN NO. TENDER	SESI TAKLIMAT (MANDATORI)	TARIKH PERMOHONAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPAT SERAHAN & MASA DAN TARIKH TUTUP TENDER
Tajuk Tender 1: THE DESIGN, SUPPLY, TESTING AND COMMISSIONING OF 387 EV SMALL BUSES FOR PHASE 2A WITH AN OPTIONAL PROVISION FOR UP TO 150 EV BUSES FOR LRT3 AND 333 EV BUSES FOR PHASE 2B No. Tender 1: PRASARANA/GPD/BS(P)/135/232/2026 DAN Tajuk Tender 2: THE DESIGN, SUPPLY, TESTING AND COMMISSIONING OF 258 EV LARGE BUSES FOR PHASE 2A WITH AN OPTIONAL PROVISION FOR UP TO 222 EV BUSES FOR PHASE 2B No. Tender 2: PRASARANA/GPD/BS(P)/139/259/2026	<u>Taklimat Fizikal</u> Tarikh: 28 Ogos 2026 (Jumaat) Masa: 10.00 pagi <u>Lokasi (Hibrid):</u> Conference Room, Kompleks Rapid Rail Subang Jalan PJU 1A/28B, Ara Damansara, 47301 Petaling Jaya, Selangor Dan Microsoft (MS) Teams Nota: i. Bagi mereka yang berminat untuk menghadiri taklimat tender, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil anda melalui e-mel seperti yang dinyatakan di perkara 6 di bawah tiga (3) hari sebelum sesi taklimat. ii. Pautan taklimat tender (MS Teams) hanya akan diberikan kepada Syarikat yang berdaftar.	Akses kepada dokumen tender akan diberikan melalui Portal SAP Ariba pada 28 Ogos 2026 (Jumaat) sehingga 18 September 2026 (Jumaat) Nota: Petender dikehendaki mendaftar sebagai vendor Prasarana di: http://prasarana.supplier.ariba.com/register	Tidak Berkenaan (Percuma)	Melalui Portal SAP Ariba pada 23 Oktober 2026 (Jumaat) Sebelum 12.00 tengahari

Nota: Masa yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan Waktu Malaysia pada GMT +8, KUL.

KELAYAKAN MANDATORI PETENDER

- Original Equipment Manufacturer (OEM)** harus menjadi Petender Utama dan boleh menyertai sebagai Petender tunggal atau membentuk Konsortium/ Usaha Sama (ditandatangani & diisytiharkan dalam penyerahan tender).
 - Dimiliki oleh syarikat induk OEM sebagai pemegang saham majoriti dan dengan Jaminan Syarikat Induk (PCG) jika diperlukan.
 - Pengalaman minimum tiga (3) tahun dalam bekalan/ pembuatan bas elektrik dan membekal lebih daripada 50 bas elektrik.
 - OEM mestilah mengetuai semua aktiviti pengurusan projek.
 - Minimum 30% Malaysia Local Content (MLC) sebagai sebahagian daripada Program ICP yang akan diurus dan dipantau oleh TDA dan Prasarana.
 - Sekiranya **OEM/Petender utama adalah syarikat antarabangsa**, mestilah mempunyai kerjasama dengan syarikat tempatan. Syarikat tempatan perlu mematuhi sekurang-kurangnya salah satu kod Kementerian Kewangan (MOF): 110105 (Bas) atau 110199 (Pembuat) dan pengalaman minimum tiga (3) tahun dalam bekalan bas diesel atau elektrik.
- Keperluan **Kewangan** untuk Petender **MESTI**:
 - Mengemukakan Penyata Kewangan Teraudit ditandatangani bagi tiga (3) tahun berturut-turut yang difaikan dengan SSM selaras dengan Akta Syarikat 2016.
 - Mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM10,000.
 - Mengemukakan EBITDA terkumpul yang positif bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut yang terakhir.
 - Mencatatkan Dana Pemegang Saham yang positif dalam Penyata Kewangan Teraudit terkini.
 - Mempunyai minimum Kapasiti Pembiayaan Tender sebanyak 5% daripada nilai tender yang ditawarkan.
- Petender adalah dipelawa daripada syarikat yang berpengalaman serta berdaftar dengan kelayakan mandatori seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Bagi Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak, semua Petender yang berminat hendaklah memenuhi keperluan **MANDATORI** yang tertera di bawah:
 - Terhad kepada dua (2) orang wakil sahaja dan berkelayakan dengan pengetahuan yang kukuh dalam Tender & Kontrak untuk kerja yang dimaksudkan. Wakil tersebut **MESTI** diberi kuasa mewakili pihak syarikat.
 - Semua wakil **MESTI** membawa dan memakai topi dan jaket keselamatan/Peralatan Pelindung Diri untuk sesi Lawatan Tapak.
- Dokumen Tender akan mula dikongsi seperti tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Dokumen Tender **HANYA AKAN DIBERI** kepada Petender yang memenuhi kriteria kelayakan serta menghadiri sesi Taklimat & Lawatan Tapak (**MANDATORI**). Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan pembelian Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
- Dokumen Tender hanya akan dikongsi kepada wakil Petender yang sah ("bona fide") sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil Petender **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil Petender beserta **Sijil ASAL DAN SALINAN Sijil Yang Telah Disahkan / "Certified True Copy"** oleh **Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A** bagi sijil-sijil seperti di dalam jadual di atas untuk mengesahkan kelayakan Petender.
- Petender perlu mendaftar sebagai vendor Prasarana di Portal SAP Ariba <http://prasarana.supplier.ariba.com/register> dan Dokumen Tender akan dikeluarkan dala Portal tersebut selepas pendaftaran telah Berjaya dan kelayakan Petender telah disahkan.
- Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Perolehan Kumpulan di talian 603-7614 3333 sambungan 3418 atau emel di procurement.tender@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini boleh dilayari di laman web kami www.prasarana.com.my/tenders/.